

Qalburn Sajiim

Tasawuf - Sufi - Tarekat

Disember 2018

Bil. 2

Riwayat Ringkas
Syeikh Bahauddin
An-Naqsyabandi

Awasi Tipu Daya
Ajaran Sesat

Ihya' 'Ulumuddin
di Mata Para Ulama

Qadiriyya Sufi
in CHINA

Sanad Oh Sanad

Pluralisme Aqidah
Tertolak

Islam di Chechnya
Berharmonisasi dengan Tradisi

Maulana Muhammad
Zakariyya
Pengarang Kitab
Fadhail Amal

1218

Dihadiahkan sempena Ijtima' Tahunan Tarekat Ghazaliyyah kali ke-3 pada 30 Mac 2019 di Surau An-Nur, Sg. Nyior, Trong, Perak Darul Ridzuan

ISI KANDUNGAN

1. Riwayat Ringkas Syeikh Bahauddin An-Naqsyabandi	... 3
2. Kitab Ihya' 'Ulumuddin di Mata Para Ulama	... 5
3. Syarahan Kitab Keajaiban Qalbu (sambungan)	... 6
4. Panduan untuk Pendakwah	... 11
5. Sanad oh Sanad	... 12
6. Islam di Chechnya – Berharmonisasi dengan Tradisi	... 19
7. Carilah Ruang untuk Kenal Allah	... 24
8. Qadiriyya Sufi in China	... 25
9. Apakah Peranan Penting Huzaifah Ibnu Yaman?	... 26
10. Pluralisme Aqidah Tertolak	... 29
11. Bahaya Lidah	... 33
12. Syeikh Zainul Asri – Da'ie yang Murabbi	... 35
13. Awasi Tipu Daya Ajaran Sesat!	... 37
14. Maulana Zakariyya – Pengarang Kitab Fadhail Amal	... 39

*Penafian – Semua artikel dalam risalah ini tidak semestinya menggambarkan pandangan Qalbun Saliim, melainkan jika ada dimaklumkan begitu.

Riwayat Ringkas

Syeikh Bahauddin An-Naqsyabandi



Bukhara, Uzbekistan

Syeikh Bahauddin dilahirkan pada tahun 1318 di desa Qasr-i-Hinduvan (yang kemudian bernama Qasr-i Arifan) berhampiran Bukhara, yang juga merupakan tempat di mana ia wafat pada tahun 1389. Sebahagian besar masa hidupnya dihabiskan di Bukhara, Uzbekistan serta daerah berhampiran, Transoxiana. Ini dilakukan untuk menjaga prinsip "melakukan perjalanan di dalam negeri", yang merupakan salah satu bentuk "*laku*" seperti yang ditulis oleh Omar Ali-Shah dalam bukunya "Ajaran atau Rahsia dari Tariqat Naqsyabandi". Perjalanan jauh yang dilakukannya hanya pada waktu beliau menjalankan ibadah haji dua kali.

Dari awal, ia memiliki kaitan erat dengan *Khwajagan*, iaitu para guru dalam mata rantai Tariqat Naqsyabandi. Sejak masih bayi, ia diadopsi sebagai anak spiritual oleh salah seorang dari mereka, iaitu Baba Muhammad Sammasi. Sammasi merupakan pemandu pertamanya dalam jalur ini, dan yang lebih penting lagi adalah hubungannya dengan penerus (khalifah) Sammasi, yaitu Amir Kulal, yang merupakan rantai terakhir dalam silsilah sebelum Bahauddin.

Bahauddin mendapat latihan dasar dalam jalur ini dari Amir Kulal, yang juga merupakan sahabat rapatnya selama bertahun-tahun.

Pada suatu saat, Bahauddinin mendapat petunjuk secara "ruhani" oleh Abdul Khaliq Gajadwani (yang telah meninggal secara jasmani) untuk melakukan zikir secara hening (tanpa suara). Meskipun Amir Kulal adalah keturunan spiritual dari Abdul Khaliq, Amir Kulal mempraktikkan zikir yang dilakukan dengan bersuara. Setelah mendapat petunjuk mengenai zikir sunyi tersebut, Bahauddinin lantas beredar dari kumpulannya ketika mereka mengadakan zikir bersuara.

Berpisahannya Bahauddin dari lingkaran kelompok Amir Kulal ini mungkin boleh dianggap sebagai penanda terwujudnya Tarekat Naqsyabandi, yang ajarannya diperoleh dari Abdul Khaliq, yang hujungnya berasal dari Khalifah Abu Bakar diperoleh dari Nabi Muhammad.

Syeikh Bahauddin Naqshband meninggal dan dimakamkan di desa asalnya pada tahun 1389. Makamnya merupakan tempat yang banyak dikunjungi penziarah di Bukhara.

https://en.wikipedia.org/wiki/Baha-ud-Din_Naqshband_Bukhari



Seorang kanak-kanak lelaki di Samarqand, Uzbekistan

Kitab Ihya Ulumuddin di Hati Para Ulama

Sayyid ‘Abdullah bin ‘Alawi al-Haddad menyatakan dalam kitabnya Al-Ilmiyyah wa Usul al-Hikmah : “...nescaya tiada engkau melihat sebuah kitab pun yang lebih menghimpunkan sebagai ilmu yang memberi manfaat itu daripada segala kitab yang ditulis oleh Imam Al-Ghazali seperti Ihya’ ‘Ulumuddin, ‘Arba’in al-Usul, Minhaj al-‘Abidin, Bidayah al-Hidayah.”

Ditanyakan kepada Habib Umar bin Hafiz : “Pada pandangan tuan, kitab tasawuf manakah yang terbaik?”

Jawabnya : “Ihya’ ‘Ulumuddin.”

Ditanya kepada Habib Abdullah al-Aydrus : “Mengapa tuan tidak mengarang kitab?”

Jawabnya : “Aku mencetak (membentuk) kalian agar kalian mudah untuk membaca (mengambil manfaat) daripada karya Imam Al-Ghazali. Kitabnya sudah ada (maka tidak perlu aku karang-karang lagi), tugas aku hanyalah untuk membawa kalian kepada kitab Imam Al-Ghazali.”

Habib Taufiq as-Seggaf berkata : “Untuk apa kami mengarang kitab tasawuf? Ihya’ ‘Ulumuddin itu kan sudah lautan? Kalau dikarang pun, tidak akan menyamai Ihya’. Maka, untuk apa dikarang?”

Habib Taufiq as-Seggaf berkata : “Jika mukjizat terbesar Nabi Muhammad saw ialah kitab Al-Quran maka karamah utama Imam Al-Ghazali ialah kitab-kitabnya.”

“Meskipun ada berpuluh lagi karangan al-Ghazali yang lain, dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan Islam, namun yang menjadi intisari dari seluruh karangan beliau itu ialah kitab Ihya’ ‘Ulumuddin.” – Dr. HAMKA (Haji Abdul Malik Karim Amrullah), pengarang Tafsir Al-Azhar.

<http://alexanderwathern.blogspot.com/2017/09/kitab-ihya-ulumuddin-di-hati-para-ulama.html>

Syarahab Kitab Keajaiban Qalbu (Pengajian Kitab Ihya' 'Ulumuddin)

(sambungan keluaran lalu)

Imam Al-Ghazali menulis : “Dia (Allah) yang menutupkan segala kekurangan.”

Kita punya kekurangan, keaiban, kebusukan dan kekotoran. Sekiranya orang tahu segala kekurangan, keaiban, kebusukan dan kekotoran kita itu, alangkah malunya. Tetapi Allah Yang Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu tidak menyiarkan semuanya. Dengan sebab itu orang ramai memandang kita bagus, mulia dan terhormat. Berterima kasihlah kepada Dia, dan berusaha untuk memperbaiki mana-mana bahagian yang boleh diperbaiki.

Jika Allah mahu terus menutup segala kekurangan kita itu, tidak ada sesiapa yang dapat membukanya. Jika Allah mahu membuka dan menyiarkannya, tidak ada sesiapa yang dapat menghalangnya.

Isi qalbu kita sama ada baik atau buruk, tidak ada yang mengetahuinya kecuali setelah kita zahirkan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Imam Al-Ghazali menulis : “Dia yang melapangkan segala kesempitan.”

Pada hakikatnya, Allah yang menyelamatkan kita, bukannya makhluk.

Dia yang menyelesaikan masalah-masalah kita, bukannya makhluk.

Dia yang menenangkan, bukannya makhluk.

Dia yang menggembirakan, bukannya makhluk.

Dia yang memenangkan, bukannya makhluk.

Dia yang melepaskan kita daripada kesulitan, bukannya mana-mana makhluk.

Dia yang melegakan, bukannya makhluk.

Dia yang mendapatkan buat kita, bukannya makhluk.

Dia yang mempercepatkan urusan, bukannya makhluk.

Dia yang meluluskan, bukannya makhluk.

Jelaslah bahawa pada hakikatnya Allah sahajalah yang ada kuasa untuk melapangkan kita daripada kesempitan. Maka bermohonlah dan bergantunglah pada Dia. Di samping itu, usaha dan ikhtiar tetap tidak kita tinggalkan, bersesuaian dengan manhaj ahli sunnah wal jamaah. Kita juga tetap menghargai dan berterima kasih kepada mana-mana makhluk yang menjadi penyebab syariat kepada kemudahan kita, kerana segala gerak kerjaan mereka semuanya adalah daripada Dia. Tentu ada sebab-musabab, hikmah dan rahsia mengapa mereka dipilih dan ditempatkan sebagai orang-orang yang berjasa kepada kita. Siapalah kita yang hendak mempertikai pekerjaan dan aturan Tuhan?

Ya Allah, Engkaulah satu-satunya yang berkuasa untuk melapangkan segala kesempitan kami. Kami mohon Engkah lapangkanlah segala kesempitan kami di dunia dan di akhirat.

Imam Al-Ghazali menulis : “Kemuliaan dan keutamaan manusia yang mengatasi sejumlah daripada bermacam-macam makhluk yang lain adalah disebabkan oleh kesediaannya untuk mengenal Allah (ma’rifah kepada Allah).”

Allah jadikan haiwan, tumbuh-tumbuhan dan benda-benda seperti air, planet, udara, gunung-ganang, batu dan sebagainya. Namun semua itu tidak punya kesediaan untuk mengenal Allah, untuk mencapai ma’rifatullah. Hal ini kerana semua itu tidak dbekalkan dengan sayap kerohanian atau sayap ilusi untuk “terbang ke alam langit tinggi”. Di sinilah kemuliaan, keutamaan dan kelebihan manusia berbanding makhluk-makhluk itu kerana manusia dikurniakan sayap ilusi yang dalam kata lain disebut sebagai qalbu. Dengan qalbu inilah manusia berpotensi untuk mencapai ma’rifatullah.

Bolehlah dikatakan secara umumnya bahawa ketika manusia berusia sekitar 7 tahun (lebih kurang), melalui tarbiyyah, sayapnya sudah boleh digerakkan dan dikepak-kepakkan. Apabila ia mencapai usia baligh pula, sayapnya sudah boleh mengangkat dirinya. Dia sudah boleh diajar terbang. Selepas itu dia dilatih lagi supaya mahir dan dapat terbang lebih tinggi. Sesiapa yang direzekikan Allah, dia dapat menjelajah ke alam langit tinggi mengikut kemampuan sayapnya.

Pada diri manusia dan jin sudah diinstall perisian bernama qalbu yang dapat membaca dan mengoperasikan input-input berkaitan ma'rifatullah, tetapi tidak pada haiwan, tumbuh-tumbuhan dan benda-benda. Sebab itulah walau disalurkan sebanyak mana dan selama mana pun maklumat tentang ma'rifatullah kepada haiwan, tumbuh-tumbuhan dan benda-benda, kesemua itu tetap tidak dapat mencapainya.

Tetapi mestilah diingat! Apabila sudah sedia dipasang sayap kerohanian tetapi masih tidak juga bermanfaat untuk membawa tuannya naik ke langit ma'rifatullah, dikhuatiri manusia jenis ini akan lebih rendah darjahnya berbanding haiwan, tumbuh-tumbuhan dan benda-benda. Makhluk yang tidak punya sayap lalu tidak berusaha terbang, hal itu memang sudah selayaknya. Tetapi bagi makhluk yang punya sayap paling kuat lalu tidak pernah berusaha untuk terbang, alangkah malangnya.

Ada orang yang tidak tahu dia punya sayap kerohanian.

Ada orang yang tahu dia ada sayap tetapi tidak tahu cara menggunakannya.

Ada orang yang tahu menggunakannya lalu boleh terbang, tetapi tersalah jalan terbangnya.

Ada orang yang betul jalan terbangnya, tetapi terbangnya mampu yang rendah-rendah sahaja.

Ada orang yang berjaya terbang tinggi, tetapi tidak sedar yang sebenarnya dia boleh pergi tinggi lagi.

Ada orang yang tahu dia boleh terbang tinggi lagi, tetapi tidak tahu caranya dan tidak tahu ke mana pelusuknya.

Imam Al-Ghazali menulis : “Sesungguhnya manusia itu menyediakan diri bagi ma’rifah adalah dengan qalbunya, bukan dengan salah satu anggota badannya.”

Maksud kata-kata ini ialah manusia hanya boleh mengenal Allah atau mencapai ma’rifatullah dengan menggunakan qalbunya, bukan dengan mana-mana anggota jasadnya.

Kaki dan tangan kita tidak punya pengetahuan.

Mata dan telinga kita tidak mampu berfikir.

Daging jantung dan hati tidak ada kebolehan untuk memproses maklumat.

Dada dan perut tiada kebijaksanaan.

Bahkan organ otak itu sendiri tidak ada kebolehan untuk berfikir, untuk tahu, memaham, menghayati, merasai dan seumpamanya.

Jelaslah bahawa keseluruhan anggota jasad kita ini langsung tidak berilmu. Jadi, bagaimana ia dapat mengenal Allah?

Sebab itulah kata Imam Al-Ghazali lagi : “Qalbulah yang mengetahui Allah. Dialah yang mendekati Allah. Dialah yang bekerja kerana Allah. Dialah yang berjalan kepada Allah. Dan dialah yang membuka apa yang di sisi Allah dan yang pada-Nya. Dan sesungguhnya anggota badan itu adalah pengikut, pelayan dan alat yang dipergunakan oleh qalbu.”

Qalbu itulah yang memberikan arahan. Mata, telinga, mulut, kaki, tangan dan lain-lain hanya hamba abdi kepada qalbu. Semuanya terpaksa menurut sahaja kehendak-kehendak qalbu.

Qalbu itulah raja. Dialah satu-satunya yang memerintah. Seluruh anggota badan kita ini tidak lain ialah kerajaannya yang mengandungi tentera-tentera dan hamba-hamba abadinya.

Baik kelakuan qalbu, maka akan baiklah kelakuan seluruh jasad.

Buruk kelakuan qalbu, maka akan buruklah kelakuan seluruh jasad.

Segala perlakuan jasad datangnya daripada kehendak qalbu.

Qalbulah punca ketaatan atau kemaksiatan.

Dialah yang berfikir, mengetahui, memaham, menilai dan menghayati.

Diaah sebenar-benar pusat mengumpul pahala dan dosa.

Apabila qalbu mahu mencuri, maka bergeraklah tangan dan kaki untuk mencuri.

Apabila qalbu mahu bersihkan diri, maka dialah yang menggerakkan mulut dan lidah untuk beristighfar.

Mulut tidak akan berbuat kejahatan sekiranya qalbu tidak mahu.

Mata tidak akan dapat mengelak daripada membaca yang baik-baik sekiranya qalbu mahu.

Semuanya kerja qalbu.

Yang sebenar-benar akan ditimbang, dinilai dan dihisab di akhirat nanti tidak lain ialah qalbu, kerana dialah lubuk pengumpul pahala dan lubuk penimbun dosa.

Qalbu ini ada pada kita namun ia tidak dapat dilihat dan tidak dapat ditemui oleh tabib/doktor. Doktor boleh membelah seluruh jasad kita tetapi dia tidak akan dapat menemui qalbu. Doktor hanya akan terjumpa peralatan dalaman seperti daging jantung, hati, buah pinggang, tulang, darah, urat saraf, peparu dan sebagainya.

Qalbu ini apabila ia tidak sihat atau rosak, para tabib jasmani (para doktor) tidak ada jalan untuk merawatnya. Hanya tabib ruhani yakni mereka yang berkeahlian dalam tasawuf sahaja yang dapat membantu, kerana itulah bidang mereka.

Ajaibnya qalbu!

Bersambung.....

PANDUAN UNTUK PENDAKWAH

Setengah-setengah pendakwah menyangka Islam sebagai bunga-bunga indah yang boleh ditanam di mana-mana negara di dunia ini. Bagaimanapun hal ini tidak sedemikian dalam kehidupan yang sebenarnya.

Islam adalah seumpama suatu set bunga-bunga yang unik yang boleh dikemukakan pada tiap-tiap negara dengan pelbagai gubahan. Setiap jenis tanah dan iklim mempunyai suatu set bunga-bunga khusus yang sesuai untuk negara tersebut. Bunga-bunga itu mempunyai citarasa tempatan yang sesuai dengan negara tersebut. Gabungan negara-negara inilah yang menjadikan ummah Islam berwarna-warni, penuh dengan sumber, dan menarik.

Semasa menggambarkan sifat-sifat khusus yang utama hasil daripada kepercayaan kepada ciri ghaib, syumul dan alami yang terdapat dalam Islam, pendakwah juga perlu menunjukkan kesesuaian dengan adat resam tempatan, citarasa, pakaian, bahasa, dan kebudayaan negaranya sendiri.

Pada masa sekarang tidak ada keseimbangan dalam sistem pendidikan Islam. Kita lebih mengambil berat tentang kehidupan masyarakat umum membentuk teori, tetapi kurang memahami keperluan khusus dan tempatan.

Namun masih banyak orang yang mengaku pendakwah hari ini, tidak memahami perkara di atas.

Buku PANDUAN LATIHAN BAGI PETUGAS ISLAM oleh Dr. Hisham Yahya Altalib ms 19. Terjemahan oleh Wan Izzuddin Wan Sulaiman, terbitan NURIN ENTERPRISE Kuala Lumpur 1992

SANAD OH SANAD

Oleh Tuan Guru Haji Abdul Raof Al-Bahanji, Pondok Tampin

Sanad oo Sanad



Maka tersebutlah kisah sanad sanad oo sanad... ana telah ditanya oleh seseorang yang mula nak masuk belajar ... mana sanad ustaz?. Yang dalam gambar tu le sanad ana.....

Yang ana tau...dulu-dulu.. zaman 30, 40 tahun dulu. Dulu sebab tok-tok guru ana pun ada cerita juga tentang hal ni.

Mereka yang mula-mula masuk belajar di pondok ke, mana-mana madrasah ke... tak pernah awal-awal lagi tanya tentang sanad. Apabila sampai je ke rumah tok guru.. terus je masuk kelas.. menghafal matan jurmiah ke, dhommum ke.. tak de pulak tanya sanad tok guru..

Minta maaf... ana tak pernah dengar sejak mula ana mengaji pondok ada orang yang buat macam tu, yang lain dari kebiasaan. tapi semenjak dua menjak ni.. dah lain macam pulak jadinya.. seolah-olah sanad ijazah kitab tu jadi umdah pulak.. jadi asas pulak dalam menjalani pngajian. ..sampai ke nak Baca barzanji pun nak ke sanad gak. He he he... demam sanad agak nya..

Kalau pulak ada satu puak tu lagi , yang agak agresif... cari-cari sanad-sanad orghang .. tujuannya nak komplek,,, mana yang putus mana yang tidak.. Ish ish ish .. waliyyazubillah...yang cam ni lagi merosakkan. Kalau takde, Alhamdulillah. Takpe le. Kot-kot ade. Jangann biar bagi ade pulak.

Seolah-olahnya beramal orang pada hari ini tak sah, sesat, sebab takde sanad.. he he.. kitab mana yang ada cakap camtu?...

Adapun ana ni, tak sangat mementingkan sanad-sanad ijazah tu. Sebab bagi ana, sanad melalui masmu' itu adalah sebenar-benar sanad. Ttulah dia sanad yang telah ijmak ulamak semenjak zaman berzaman, tidak ada pertelingkahan lagi.

Masmu' tu ertinya, mengaji , menadah, musyafahah dari lidah-lidah para ulamak. Haa tu dia sanad yang betul-betul kemaih! Tapi ana tak pulak menafikan sanad-sanad yang diperolehi dengan cara ijazah tu... Ana pun ada gak .. tok guru ana bagi dulu ni sebelum mereka balik menghadap Allah s.wt.

Ana sendiri pernah satu ketika mintak ijazah sebuah kitab tafsir pada tok guru ana.. Tafsir Jalalain. Dia ketawakan ana.. tok guru ana kata masa tu "Ngaji la "... sampainya hati tok guru gelakkan ana... tapi akhirnya sebelum ana balik kampung , berhenti mengaji.. beliau ijazahkan juga semua kitab-kitab yang ana pernah mengaji.. yang tak ngaji pun ijazahkan semuanya juga.

Adapun ana pulak tak pernah mengijazahkn sanad ilmu kepada sesiapa pun yang tak pernah mengaji dengan ana melainkan setelah mereka tamat pengajian ataupun ana berpuashati dengan kebolehan mereka.

Ni.. soal sanad-sanad ni nak kena telitilah sikit.. mana sanad yang umdah ... mana sanad yang fadhlah... Jangan sampai terkeliru le.. dek sebab kekurangan maklumat tentang sanad yang mana penting yang mana sanad tidak penting, pun sampai kita sesama pun nak pecah belah.. sape yang rugi nanti?..

Ni nasihat je.. yang tak faham soal ni ..nak bertanya.. silakan email pondok_tampin@yahoo.com

Mari kita bincang..tengok le ada masa ana nak tulis sikit pasal sanad ni.. doa-doakan le.

<http://pondoktampin.blogspot.com/2008/09/sanad-oo-sanad.html>

Sanad oo sanad lagi..

Maka teringatlah ana , satu ajaran dalam ilmu mustalah hadis, " *jika tiada sanad, nescaya berkata seseorang apa yang dia nak kata*" aw kama qol..

Tapi seingat ana , kaedah tu diguna pakai dalam ilmu hadis... kalau ya pun nak menilai ilmu-ilmu yang lain dengan kaedah tu,,, mesti le di comparekan dengan satu hadis sahih riwayat Bukhari " *innam ilm bitta'alluum...* hanyasanya ilmu itu didapat ia dengan taa'llum .. belajar, talaqqi, musyafahah dari mulut guru-guru yang pernah belajar pula dengan guru-guru nya.

illmu hadis memang sangat perlu penelitian sanad-sanad sebab ia ilmu bentuk nukilan, dari satu orang guru ke satu guru sehingga ke Nabi s.a.w., dapat dipastikan tiada sebarang perubahan ayat mahupun kalimat atau makna-makna yang didengar atau diambil dari Nabi s.a.w.

Adapun ilmu-ilmu yang selain hadis,, seperti fekah cnthnya, memang akan ada perubahan kalimat-kalimat atau makna-makna yang tak dapat tidak. sebab para guru yang menerimanya dari guru yang sebelumnya bukannya menghafal setiap kalimat guru-guru sebelumnya. Ia hanya mafhum atau ijtiha-ijtihad2 , pendapat-[endapat , syarahan-syarahan, huraian-huraian yang pastinya mengalami perubahan-perubahan dalam penyampaian , walaupun makna-makna atau maksud-maksud setiap guru itu sama pada kebiasaannya.

Apa yang perlu bagi setiap murid ialah memastikan, adakah ajaran gurunya itu benar dengan sebab gurunya itu pun pernah belajar dengan guru-guru sebelumnya yang betul dan benar juga ajarannya. sehingga sampailah titihan ilmu tersebut ketabaqah tabi'in seterusnya para sahabat dan para sahabat belajar pula kepada Nabi s.a.w. Ini juga dinamakan sanad. bahkan sanad yang macam lebih hebat, lebih kuat dan lebih dipercayai dalam agama. walaupun simurid tersebut tidak diberikan sebarang tanda pengakuan , seperti kertas sijil, cop stempel , tanda tangan gurunya . si murid tersebut tetap sah bersanadkan ilmu dan amal yang diwarisnya dari si gurunya yang tersebut dan murid yang macam itu , adalah pewaris ilmu yang hakiki jika nak dibandingkan dengan yang hanya amik ijazah sanad kitab sahaja. Tetapi ini tidak pula bermakna ana menafikan sifat-sifat murid dalam ilmu tasawuf sufi,

yang hanya memadai dengan ijazah sahaja. Itu soal lain le, sebab tasauf tu dikaitkan dengan keramat pulak.

Kalau yang macam ini keadaannya, tak semestinya sanad tu ada tertulis dalam kertas atau ada cop dan tanda tangan.. Kalau ada orang yang cuba mewajibkan cara yang begitu dan cuba pula nak membatalkan ilmu dan amalan orang lain.. itu namanya cuba mengada-ngadakan perkara baru yang ulamak dulu-dulu pun tak pernah sebut dalam mana-mana kitab mereka. Fahaman yang begini tak boleh dibiarkan, nanti merosakkan agama pula. Betul-betul mencari pecah belah, tidak mencari persatuan. Ana maksudkan fahaman macam tu bukan dari fahaman wahabiah, wahabi cerita lain. Ni cerita yang tak wahabi ni.. yang ngaji kitab turas, kitab kuning juga ni.

Ni haa... sampai ada ana dengar cerita, ada pulak, entah sape sape tak tau le... yang mintak sanad kitab Musalli. Kalau tak de sanad, tak sah mengaji kitab tu... ish ish... jahilnye manusia...

Ana pun dulu ada mengaji kitab Musalli karangan Sheikh Daud tu dengan arwah Tuan Guru Pak Ya Telok, tok guru ana tu le. Seingat ana 3 kali khatam. Mengaji pulak dengan almarhum Tuan Guru Haji Halim , Pondok Sungai Jagong , Pendang, sekali khatam. Masa sebelum tu di Pahang, ana dah khatam dah sekali dengan Ustaz Soleh Kedah. Lepas tu ana baca untuk orang yang mintak tolong bacakan .. entah berapa kali dah tak ingat.... Ana pun tak pernah tanya tuan guru-tuan guru ana tu mana sanadnya kitab Musalli Tok Sheikh Daud tu... Agaknya sah ke tak sah ilmu yang ana belajar dalam kitab Musall tu dan bacakan pada orang tu??...

Tapi ...seingat-ingat ana.. setiap kali kitab itu tamat khatam, tuan-tuan guru itu akan sudahinya dengan beberapa ayat yang maksudnya diFatihahkan kepada Rasulullah s.a.w , kepada semua guru-guru yang pernah tuan-tuan guru tu belajar kepada mereka kitab tu, khasnya kepada pengarang kitab Tuan Sheikh Daud al Fathoni.. Al Fatihah.. baca le sekali... maksudnya ringkasan sanad kitab tu telah disebut diakhirnya.

Ringkasnya macam ni le... patutnya memadai tanya je guru yang kita nak mengaji tu , dia belajar dengan siapa kitab tu... tu pun dah cukup. Mun idak

pun tok sah tanye le.. mun kalau dah seorang ulamak tu namanya ulamak.. yang ilmunya benar.. dia boleh baca kitab apa pun .. yang tak ade ijazah pun dia boleh baca dan berhak baca dan ajarkan pada orang, sebab ijazah-ijazah sanad kitab tu bukannya umdah ilmu. Umdah ilmu mengaji , belajar, musyafahah, sekadar yang termampu, dan bila telah sampai ketahap pelajarannya kepada kajian. Bukan lagi semata-mata mas'mu'. Boleh baca kitab-kitab yang tak de ijazah . Itu semua harus, tidak haram. Ini boleh dibeleg dalam kitab Ihya Imam Ghazali, ada bahas sikit di sana.

Ijazah2 sanad kitab tu kata Sheikh Yasin dalam masalik al jaali hanya : untuk mendapatkan barakah .. bukan samaie...

Apa yang ana nampak, kebanyakan ulama Melayu bukannya takde sanad, khasnya kitab-kitab Melayu/jawi yang mereka ajarkan. Sebenarnya ada, sebab apabila dikorek-korek, apabila diselidik nanti kita akan jumpa ada. Cuma mungkin dah jadi kebiasaan agaknya, orang kita ni kurang sikit tonjol-tonjolkn bab sanad ilmu. Bukan takde ilmu atau ilmunya tak sah..tu je. Sebab tu sepatutnya bila dah tau seseorang guru tu belajar dengan gurunya, ada gurunya, maka tak perlu nak buruk sangka, suu zaan, yang bawa dosa pula.

Adapun berkenaan ijazah dan mandat dalam ilmu tasawuf sufi tarekat, nanti le kalau ada masa ana tulis sikit.

<http://pondoktampin.blogspot.com/2008/10/sanad-oo-sanad-lagi.html>



Sanad ooo Sanad. Taak Habis Habis

Man Mun: Salam ustaz. tumpang bertanya. Adakah sah sesuatu tarikat sufi jika tiada sanad?

Al Ustaz: Sanad tarikat tak serupa dengan sanad hadis. Siapa yang kata serupa, silakan bawa bukti. Dalam kitab mana? Mana sheikh shufi yang jadi umdah rujukan yang kata begitu? Bahkan sepanjang pembacaan saya terdapatnya tarikat yang tanpa bersanad langsung, tapi masih muktabar. Bahkan ada yang bersanadkan guru lain (iaitu mendapat tarbiyah dari sheikh lain) tapi dinisbahkan tarikatnya pada silsilah sheikh yang lain dan dinisbahkannya pada tarikat yang muktabar pulak tu.

Kalau nak kira sanad tarikat sufi mengikut metod sanad ilmu dirayah hadis ... ana confirmkan - kebanyakan sanad-sanad tarikat sufi hatta yang muktabar, pun kalau tak maudhu , dhoif, mun tak pun maqthu' . Kalau ada orang kata "Hasan Basri" mengittishalknnya?. Aah.. Hasan Bashri pun dinaqad orang... jumpa ke tidaknya dengan Saidina Ali . Tu pun khilaf . Tu camnaa..?.

Kalau pada ana senang jee.. dah tau ilmu tarikat tu buah ilmu syariat. Kalau dah syariatnya betul, betul le tarikatnya walaupun nampak tak bersanad. Sebab ciri-ciri sanad tarikat tak serupa ciri sanad ilmu hadis. Sanad dalam ilmu tarikat memanglah penting, tapi sifat-sifat sanad tu kalau tidak dilihat cara menyeluruh maka boleh jadi masalah.

Nii masalah sanad ni ada ada je orang baru baca je yang nak mula cuba kaji. Baca le bagi banyak-banyak sikit. Nanti tak le nak menyentuh ilmu orang yang kita pun tak faham .

Ni ada satu lagi . Orang yang minat kaji sanad sampai nak baca Berzanji pun kena ada bersanad . Ish ish!

Ana nak tanya le, sembahyang kita tu mana sanadnye?. Puasa yang diamalkan tu mane sanadnye?. Tak sah ke amalan tu?

Saya dulu masa mengaji di pondok..tok guru suruh baca berzanji burdah dibaie malam selasa, tak pernah pun tau mana sanadnya. Sebab dah faham tok guru kita tu sanad le tu. Cukuuup. Oghang tetua dulu pesan.. "toksah menarah terlampau", sebab kalau terlampau menarah, nanti kayu yang nak buat ulu paghang (parang) tu langsung tak terpakai..

Ni masalah tarikat .. patutnya bincang le sesama ahli tarikat yang berilmu je. Sebab kalau ahli tarikat tak ahli ilmu pun susah juga nak bawak bincang. Serupe le juga ahli ilmu yang tak tarikat pun susah juga. Tu le jadinya. Ade ke sanad tarikat sama metodenya dengan sanad hadis. Ish ish.. bawak-bawak le istighfar. Ni nasihat je.

Perhatikanlah contohnya:

SYEIKH AHMAD AT-TIJANI :

"Apabila Kamu Mendengar Apa Saja Daripadaku, Maka Timbangkanlah Ia Dengan Neraca Syari'at. Apabila Ia Bertepatan, Maka Kerjakanlah & Apabila Ia Bersalahan,Maka Tinggalkanlah." [Jawahir al-Ma'ani wa Bulugh al-Ma'ani (juz 1, hlm.95) Ali Harazim]

Cuba pula perhatikan satu ayat yang telah diwariskan oleh Al Allamah Sheikh Anwar Kashmiri:

"Adalah Isnad, (tujuannya) supaya tidak termasuk didalam agama perkara yang tiada (asal) dari Agama. Bukan pula (tujuannya) untuk mengeluarkan daripada (perkara) Agama (disebabkan) perkara yang sabit dari amalan Ahli Isnad. "- Nukilan dari Doktor Majid Darwis , - al Fawaid al mutammadah.. m.s 173.

<http://pondoktampin.blogspot.com/2010/04/man-mun-salam-ustaz.html>

Islam di Chechnya

Berharmonisasi dengan Tradisi



REPUBLIKA.CO.ID, JAKARTA----Masih dari deretan negara bekas Uni Soviet, Chechnya merupakan wilayah mayoritas Muslim di negara federasi Rusia. Negara yang terletak di pegunungan Kaukasus Utara ini terbilang masih muda. Republik Chechnya memproklamasikan kemerdekaan pascakeruntuhan Uni Soviet 1991, kendati tidak mendapat pengakuan PBB hingga 2004.

Identitas Chechnya saat ini tidak dapat dipisahkan dari konteks tradisi Islam. Amjad Jaimoukha dalam *The Chechens: A Handbook* mengatakan, ada banyak versi masuknya Islam ke Chechnya. Versi yang paling banyak diterima menyebutkan, Islam masuk ke Chechnya dari Dagestan pada abad ke-17. Islamisasi kemudian mendapat momentum pada paruh pertama abad kesembilan belas. Mayoritas Chechen menganut mazhab Syafi'i. Sebagian

mengamalkan tasawuf, khususnya tarekat Qadiriyah, Naqshabandiyah, dan Syadziliyah.

Di negara ini, Islam berangkul mesra dengan tradisi setempat. Kombinasi itu meneguhkan identitas dan semangat untuk bersatu dengan masyarakat Muslim lain di wilayah Kaukasus Utara dalam perjuangan melawan imperialisme Rusia. Hingga kini, Muslim yang tinggal di Chechnya masih menganggap kehadiran Rusia sebagai pendudukan atau kolonisasi atas tanah mereka.

Pengkaji Tatar-Rusia di International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS), Malaysia, Elmira Akhmetova dalam "Chechens: Long History of Struggle" menuturkan, hubungan Rusia dan Muslim di wilayah itu terjalin pelik. Muslim Chechen telah memasok banyak pasukan dalam barisan pertahanan Uni Soviet. Sepanjang serangan atas pertahanan benteng Brest saja, orang-orang Chechen membentuk sepertiga dari kekuatan lawan Soviet. Kepahlawanan yang menjadi simbol perlawanan Soviet selama Great Patriotic War.

Angin berbalik menghantam kaum Muslim mendekati akhir perang. Negara-negara Muslim di kawasan itu, seperti Chechnya, Ingushs, Kumyks, Karachays, Balkars, Turki Meskhetian, dan Turki Krimea, dideportasi ke daerah-daerah terpencil di Asia Tengah atas tuduhan bekerja sama dengan Nazi selama perang. Banyak dari mereka yang dideportasi tidak dapat bertahan di tengah perjalanan musim dingin, mati kelaparan, atau terkena penyakit. Akibatnya, penduduk Chechnya berkurang hampir sepertiga populasi.

Sufisme Islam memainkan peran penting selama perang kemerdekaan. Sampai-sampai, kata Joanna Swirszcz dalam "The Role of Islam in Chechen National Identity", *The Journal of Nationalism and Ethnicity*, Vol 37, 2009, Chechen disebut menggunakan "pakaian spiritual bagi perjuangan nasional mereka". Hal ini tidak lepas dari pengaruh sufisme di Chechnya.

Sufisme telah melebur di tengah masyarakat Chechnya. "Ideologi sufi mudah beradaptasi dengan keyakinan umum, adat istiadat, dan masyarakat," ujar Vakhit Akaev, direktur Humanities Research Institute Republik Chechnya, seperti dikutip Jaimoukha. Ajaran ini menampilkan kombinasi asketisme,

penghambaan kepada Allah, kesetiaan murid dengan pemimpin tarekat, dan semangat jihad untuk melawan penjajahan.

Pertemuan antara sufisme, nasionalisme, dan identitas tradisional menghasilkan kekuatan untuk melawan dominasi asing dalam bentuk apa pun. Selama revolusi 1877 dan 1917, hampir semua populasi Muslim dewasa di Chechnya dan Ingushetia mengikuti tarekat Naqshabandiyah atau Qadiriyyah. Bahkan, di era Soviet, mayoritas Chechen dan Ingushetia adalah anggota tarekat. Sampai dengan masa Israilov-Sheripov di awal 1940-an, kata Jaimoukha, semua pemberontakan diprakarsai dan dilakukan oleh tarekat.

Seperti disebutkan, tarekat yang berkembang di Chechnya adalah Naqshabandiyah, Qadiriyyah, dan Syadziliyyah. Melawan kebiadaban yang dilakukan Rusia, gerakan Naqshabandiyah menjadi kekuatan utama di balik perlawanan Muslim pada paruh pertama abad ke-19.

Penyebaran tarekat ini terjadi pada tahun 1820-an, berawal mula dari Dagestan. Ajaran Mullah Muhammad memainkan peran penting dalam penyebaran semangat jihad. Dua muridnya, Ghazi Mohamed dan Imam Shamil, juga ditakdirkan mencatatkan kepahlawanan dalam sejarah Muslim Kaukasus.

Muslim merupakan salah satu dari banyak komponen identitas etnik Chechnya yang sangat kuat. Kendati, kata Edward W Walker dari University of California, identitas tradisional juga telah berakar kuat di tengah masyarakat. Itu pula, lanjut Walker berteori, yang membuat sufisme lebih mudah diterima di tengah masyarakat Chechnya. "Ketika tiba di Chechnya, Islam bertemu dengan keyakinan dan praktik keagamaan tradisional. Ini dapat membantu menjelaskan mengapa Islam yang diadopsi orang-orang Chechen sebagian besar adalah sufisme."

Apabila pengikut Naqshabandiyah terkonsentrasi di timur Chechnya, gerakan Qadiriyyah mendominasi di bagian barat Chechnya dan Ingushetia. Murid aktif tarekat ini diperkirakan sekitar 20 ribu di Chechnya. Selain perjuangan kemerdekaan, sufisme juga mengembangkan budaya literasi di Kaukasus

Utara. Tingkat buta huruf di kalangan Chechen dan Dagesthan adalah salah satu yang terendah di masa Kekaisaran Rusia pada awal abad ke-20.

Keluarga Kadyrov Republik Chechnya beribu kota di Grozny.

Selepas Perang Chechnya II (1999-2000), negara ini diperintah Presiden Ahmad Kadyrov. Kadyrov, seperti kebanyakan Chechen, menganut Islam. Pada Mei 2004, ia dibunuh. Tiga tahun kemudian, anaknya, Ramzan Kadyrov, menggantikannya sebagai Presiden Chechnya. Ramzan Kadyrov mendorong penerapan berbagai aspek hukum syariah. Islam diajarkan di semua sekolah. Ia memerintahkan wanita berjilbab di gedung publik dan sekolah.



Terlepas dari kontroversi pemerintahan Ramzan Kadyrov, ada beberapa aspek keislaman yang menguat di Chechnya. Sekolah Hafiz, sebuah sekolah khusus untuk menghafal Alquran dan studi Islam, bermunculan di Chechnya. Kini tercatat ada lima sekolah serupa di Republik Chechnya. Anak laki-laki berusia 10 tahun ke atas mempelajari Alquran di sana selama tiga tahun. Tercatat ada 700 masjid berdiri di Chechnya.

Pada 2008, Kadyrov membangun Masjid Akhmad Kadyrov, salah satu masjid terbesar di Eropa. Dirancang untuk menampung 10 ribu jamaah, masjid itu berdiri di lokasi bekas markas Partai Komunis Soviet. Menaranya menjulang setinggi 200 kaki, mendominasi kaki langit Grozny. c38, ed: Nashih Nashrullah

<https://www.republika.co.id/berita/koran/islam-digest-koran/15/09/13/numaaw1-islam-di-chechnya-berharmonisasi-dengan-tradisi>

Carilah Ruang untuk Kenal Allah

Indahnya hidup bertasawuf....

Ada orang-orang yang sekadar tahu Allah tetapi tidak kenal Allah. Dengan bertasawuf, kita tidak sekadar tahu dan kenal akan Dia, malah mencintai-Nya.

Orang minta kita sampaikan barang kepada Pak Udin. Kita tahu yang Pak Udin memang betul-betul ada tetapi kita tidak kenal Pak Udin. Dapatkah kita sampaikan barang itu kepada Pak Udin? Mahu tak mahu kita kena bertanya kepada orang-orang yang kenal Pak Udin. Orang-orang inilah yang akan membawa kita kepada Pak Udin.

Begitulah halnya dengan orang-orang yang tahu lagi yakin yang Allah memang ada tetapi mereka tidak mengenal Allah. Mereka kenalah bertanya (berguru) kepada orang-orang yang sudah kenal akan Allah (guru-guru). Maka guru-guru inilah yang akan membantu membawa mereka kepada Allah dan mengenali-Nya.

Ada guru-guru/pembimbing/naqib dsb yang membimbing kita begitu begini dalam hal-hal berkhidmat untuk Allah, maka banyaklah perkhidmatan (ibadah dan kerja-kerja agama) kita kepada-Nya. Namun... sampai ke sudah kita tidak dikenalkannya dengan Allah. Jenis ini biasanya kerana mereka sendiri tidak mengenal Allah tetapi sekadar tahu Allah sahaja. Maka, bagaimana mereka mahu bawa kita untuk mengenal Allah?

Sekiranya kita sudah lama bertahun-tahun berjuang di dalam mana-mana perkumpulan, jemaah, organisasi agama dsb yang benar tetapi tidak dibawa oleh perkumpulan, jemaah, organisasi dan sebagainya itu kepada mengenal Allah.... mestilah kita mencari. Mencari jalan-jalan mengenal Allah ini bukan bermaksud kita kena tinggalkan organisasi sedia ada, teruskan, sangat bagus, cuma kita hendak melengkapkan bahagian-bahagian yang kurang.

<http://alexanderwathern.blogspot.com/2017/08/carilah-ruang-untuk-kenal-allah.html>

Qadiriyya Sufi In China

Qadiriyya is the first Sufi order to be introduced to China. The Qadiriyya is believed to be preached by Khawja Abdullah who was the 29th generation descendant of Prophet Mohammad.



Khawja Abdullah entered China in 1674 and preached from Southern China's Guangdong and Guangxi provinces to Southwest China's Yunnan and Guizhou provinces and finally arrived in Northwest China's Gansu Province. Khawja Abdullah is said to die at a very old age in the place named Langzhong (阆中) in today's Sichuan province. A Gongbei was built on his tomb in Langzhong which is named Jiuzhaoting Gongbei, one of the three holy places of Qadiriyya Sufi in China.

The founder of Qadiriyya Sufi in China is Qi Jingyi (Hial al-Din, 1656-1719). Chinese Hui Muslims called him Qi Daozu (Grand Master Qi). Qi Jingyi received his training from the two famous Central Asia Sufi teachers, Khoja Afaq and Khoja Abdullah. Qi Jingyi added some elements of Chinese tradition, such as Confucian moral tenets and other religions such as Buddhism rituals and Taoism mystical concepts to Islam and formed Qadiriyya Menhuan.

The Qadiriyya Menhuan is the third largest Sufi Menhuan in China. It is believed that about 1.5% of Chinese Hui Muslims believe in Qadiriyya Sufi. The Qadiriyya Menhuan is not as popular in China as the Naqshbandi Jahriyya, or the Naqshbandi Khufiyya due to the reason that the Naqshbandi

emphasize living a normal life within the Chinese society, whereas the Qadiriyya Menhuan emphasize ascetic withdrawal from society.



The Qadiriyya Menhuan has branches and sub-branches including Dagongbei Menhuan, Houzihe Menhuan, Lingmingtang Menhuan, Mingyuetang Menhuan, Xiangyuantang Menhuan, Qimen Menhuan, Amen Menhuan, Wenquantang Menhuan, Tonggui Menhuan, Zhaogaojia Menhuan, Aitou Menhuan, Salar Menhuan, Haimen Menhuan, Jiucaiping Menhuan.

<http://www.islamichina.com/qadiriyya-sufi-in-china.html>



Apakah Peranan Penting Huzaifah ibnu Yaman?



Huzaifah Al-Yamani ialah salah seorang sahabat saw. Bapa Huzaifah, Al-Yaman ialah seorang penduduk Makkah dari suku Abbas. Kemudian Al-Yaman berpindah ke Madinah dan menjadi sekutu kepada suku kaum Bani Al-Ashal. Ibunya pula berasal dari suku kaum ini. Huzaifah digelar sebagai "Penyimpan Rahsia Nabi".

Sebagai Perisik Rahsia (Secret Service)

Ketika Perang Khandaq, Nabi saw mengarahkan beliau menjadi perisik untuk mengetahui strategi musuh tentera Islam pada ketika itu iaitu kaum Quraisy. Beliau menjalankan perintah Rasul saw dengan menyamar sebagai salah seorang tentera musuh. Tindakan ini membantu tentera Islam setelah mendapat maklumat musuh daripada Huzaifah.

Sebagai Panglima Perang dan Raja di Parsi

Ketika zaman pemerintahan Umar Al-Khattab, beliau dilantik sebagai panglima perang untuk membantu Nu'man ibn Muqarrin dalam peperangan yang dikenali sebagai Perang Nahawand. Berikutan gugurnya Nu'man ibn Muqarrin di dalam peperangan dan dengan kemenangan tentera Islam di Nahawand, beliau dilantik menjadi gabenor Kufah dan Mada'in seterusnya menjadi wakil khalifah di tanah Parsi.

Sebagai Pencetus Kewujudan Tarekat

Menurut catatan sejarah, antara sekalian sahabat Nabi yang pertama sekali menjadikan ibadah secara satu tarekat yang khusus ialah Huzaifah Bin Al-Yaman, seorang sahabat nabi yang mulia dan terhormat. Beliaulah yang pertama kali menyampaikan ilmu-ilmu yang kemudian hari kita kenal dengan nama tasawuf dan beliaulah yang membuka jalan serta teori-teori untuk ini.

Sebagai Penyimpan Rahsia Nabi

Ada yang berkata kepada Huzaifah Bin Al-Yaman : “Kami lihat tuan mengeluarkan kata-kata yang tidak pernah kami dengar dari salah seorang sahabat Nabi yang lain dari tuan, dari mana tuan peroleh akannya?”
Jawabnya : “Rasulullah salallahu alaihi wasallam telah menentukannya kepada saya. Orang banyak menanyai Rasulullah salallahu alaihi wasallam dari hal yang baik-baik, tetapi saya menanyai beliau dari hal yang jahat-jahat, apa yang jahat itu, dengan maksud agar mengetahuinya, supaya dapat menjauhkan diri daripadanya ; Sedang mengenai yang baik saya tidak takut ketinggalan dan sebagainya.” “Siapa yang tidak mengenal kejahatan, ia tidak akan mengenal kebaikan. “
Demikian kata Huzaifah Al- Yaman.

Sebagai Pencetus Sukatan Pelajaran Tentang Bahaya Sifat-sifat Mazmumah

Dalam keterangannya yang lain tersebut : “Banyak orang yang bertanya kepada Rasulullah salallahu alaihi wasallam : “Ya Rasulullah, apa pahala mengerjakan ini dan itu ? “ Mereka menanyai Rasulullah salallahu alaihi wasallam darihal fadhilat-fadhilat amalan, tetapi saya selalu berkata kepada Rasulullah salallahu alaihi wasallam : ”Apa yang merosakkan amal ini dan amal itu.”

Sebagai Pengenal Ciri-ciri Munafik

Misalnya Umar Al-Khattab tidak mahu turut menyembahyangkan seorang yang meninggal dunia jika di lihatnya Huzaifah Bin Al-Yaman tidak turut menyembahyangkannya. Hal ini kerana Huzaifah mempunyai pengetahuan tentang ilmu mengenal kemunafikan kerana diajar oleh Rasul salallahu alaihi wasallam, yakni dia tahu siapa yang munafik dan siapa yang tidak.”

Sebagai Pencetus Penubuhan Madrasah Tasawuf

Akan tetapi madrasah Tasawuf yang didirikan Huzaifah pada masa itu masih belum terkenal dengan nama Tasawuf, masih sangat sederhana sekali. Belum ada tersiar riwayat-riwayat dan berita-berita mengenai madrasah Huzaifah Al-Yaman ini sebagaimana yang akan tersiar dari madrasah-madrasah tasawuf pada abad kedua Hijriah, yang ketika itu pelbagai ilmu dan pengetahuan-pengetahuan mengenai tasawuf telah tersebar meluas.

Benar, madrasah kecil dari Huzaifah itu sendiri sebenarnya mendatangkan hasil besar pada abad depannya, kerana murid-muridnya terus mengembangkan pengetahuannya sehingga tersebar luas. Imam sufi besar dalam kalangan tabiin iaitu Hasan Al-Basri sendiri merupakan murid Huzaifah.



War Memorial, Basrah

PLURALISME AQIDAH TERTOLAK

ALLAH TUHAN KITA. KITA BERTUHANKAN ALLAH?

ANAK : Ayah, adakah Tuhan semua umat manusia itu sama?

BAPA : Benar anakku, Tuhan kepada semua umat manusia, jin, haiwan, malaikat dan seluruh alam makhluk ini sama, kerana hanya ada satu Tuhan, tidak ada Tuhan yang lain. Dia tidak dua, tidak tiga, banyak ataupun berbilang-bilang. Dialah yang menciptakan seluruh alam makhluk ini termasuklah seluruh umat manusia. Tuhan itu ialah Allah.

ANAK : Jadi... Tuhan kepada penganut agama Islam, Hindu, Kristian, Buddha, Tao, Yahudi, Zoroaster, Sikh, Jaina dan agama-agama lain itu sama?

BAPA : Sudah tentu!

ANAK : Adakah ini bermaksud kesemua agama itu sama dan setara?

AYAH : Tidak!

ANAK : Kenapa begitu pula ayah? Bukankah ayah katakan tadi yang Tuhan kepada seluruh makhluk itu sama?

BAPA : Benar! Tapi kita mesti faham, sungguhpun Tuhan kepada semua penganut agama-agama itu sama, hal ini tidak bermaksud mereka menyembah atau berTuhankan Tuhan yang sama. Tuhan kepada semua umat manusia ialah Allah, tetapi bukan semua umat manusia berTuhankan Allah.

ANAK : Bagaimana boleh jadi begitu? Boleh ayah jelaskan lebih lanjut?

BAPA : Tuhan kepada semua penganut agama Islam, Yahudi, Kristian dan lain-lain ialah Allah. Tetapi, bukan semua mereka menyembah Allah sebagai Tuhan. Ada yang menyembah selain Allah sebagai Tuhan. Maksudnya mereka berTuhankan selain Allah.

ANAK : Contohnya ayah?

BAPA : Contohnya, semua orang Tuhannya ialah Allah tetapi ada orang yang berTuhankan Jesus Christ, berTuhankan akal, berTuhankan alam, berTuhankan dewa-dewi, berTuhankan Lucifer, berTuhankan patung-patung dan sebagainya. Bagi kita orang Islam, Tuhan kita sama dengan Tuhan

penganut agama lain iaitu Allah, dan kita menyembah Allah sebagai Tuhan. Ringkasnya, kita berTuhankan Allah, iaitu satu-satunya Tuhan.

ANAK : Barulah saya faham. Sebenarnya ada perbezaan antara “Tuhan kepada...” dengan “berTuhankan...”. Tuhan kepada kita semua ialah Allah, tetapi tidak semua orang berTuhankan Allah.

BAPA : Ya, betul! Bagus anakku!

ANAK : Ayah, ada orang mengatakan agama-agama itu berbeza tetapi semuanya benar, semuanya menuju Tuhan iaitu Allah juga, walaupun mereka menyebut-Nya dengan panggilan yang lain seperti God, Eloah, Yehovah, Brahman, Tao, Yang Mutlak, Adi Parasakti, Tua dan lain-lain. Ada banyak jalan tetapi destinasiya tetap sama. Semua jalan betul kerana menuju destinasi yang satu. Kita manusia boleh memilih mana-mana jalan kerana semua jalan menuju ke tempat yang sama.

BAPA : Anakku, Islam ibarat kemuncak Gunung Kinabalu. Ada banyak jalan menuju ke kemuncaknya. Terpulang kepada kita untuk mengikut jalan yang mana. Sesiapa mahu naik dari utara, silakan. Sesiapa mahu naik dari Selatan, tidak ada masalah. Sesiapa mahu naik dari Timur, jalannya tetap menuju ke kemuncak Kinabalu. Sesiapa yang mahu naik dari Barat pun, tetap kemuncaknyalah yang menjadi matlamat. Jalan mana pun yang umat Islam gunakan, tetap akan bertemu di kemuncak Gunung Kinabalu. Inilah yang dikatakan “ada banyak jalan dan semuanya menuju destinasi yang satu”.

Katakanlah pada suatu hari, air batu di kutub mencair dan bumi akan tenggelam kecuali kemuncak Gunung Kinabalu (iaitu agama Islam). Sesiapa yang mahu selamat, hendaklah dia pergi ke kemuncak Gunung Kinabalu. Agama A umpama Gunung Tahan, agama B bagaikan Gunung Ledang, agama C umpama Gunung Korbu, agama D umpama Gunung Bubu dan begitulah seterusnya. Sesiapa yang mendaki gunung-gunung itu, walau menggunakan jalan mana dan dari arah mana sekalipun menuju ke kemuncaknya, mereka tetap tidak akan tiba ke kemuncak Gunung Kinabalu. Maksudnya, mereka tidak selamat dan akan tenggelam dalam banjir yang melanda dunia.

Oleh itu, kata-kata “ada banyak jalan dan semuanya menuju destinasi yang satu” hanya sesuai untuk ke kemuncak Gunung Kinabalu iaitu agama Islam, bukannya untuk keseluruhan agama-agama dunia.

TUHAN YANG DISEMBAH SAMA?

ANAK : Tapi kan ayah, ada orang kata Tuhan yang disembah oleh penganut agama lain sebenarnya sama dengan Tuhan yang disembah oleh penganut agama Islam iaitu Allah, cuma mereka tidak menyebut-Nya sebagai Allah tetapi dengan nama lain.

BAPA : Hendak tahu sama ataupun tidak, kita kenalah buat senarai semak. Kita senaraikan ciri-ciri Tuhan, iaitu yang disembah oleh umat Islam, dan bandingkan dengan ciri-ciri sembah mereka. Jika sama ciri-cirinya, betullah kenyataan tersebut. Jika tidak sama, maka tidak betullah kenyataan itu.

ANAK : Kalau begitu, biar saya cuba senaraikan apa yang ayah dan guru-guru saya ajarkan selama ini.

BAPA : Bagus, teruskan anakku!

ANAK : Zat Allah tidak dapat digambarkan atau difahami oleh mana-mana makhluk, khususnya akal manusia dan jin. Makhluk khususnya akal hanya mampu memahami apa yang layak dan apa yang tidak layak bagi Zat Tuhan. Hal ini kerana akal fikiran manusia sangat lemah lagi terbatas kemampuannya.

BAPA : Betul! Jika ada mana-mana agama mengatakan Tuhan sembah mereka itu begini begini rupanya, bentuknya, warnanya dan seumpamanya, maka jelaslah sembah mereka tidak sama dengan Allah. Baiklah, tambahkan lagi anakku.

ANAK : Lagi ciri-ciri Tuhan sebenar iaitu Allah ialah :

1. Allah menciptakan segala sesuatu iaitu seluruh makhluk.
2. Sebelum Dia menciptakan makhluk, yang sudah sedia ada hanyalah Dia. Tidak ada suatu apa pun sebelum-Nya.
3. Allah Maha Mengetahui. Dia sudah sedia tahu segala perkara sejak azali lagi, sebelum makhluk pertama diciptakan lagi.

4. Allah Maha Sempurna. Dia tidak ada walau satu kelemahan. Apa sahaja yang ada walau satu kelemahan, bukanlah Allah melainkan makhluk.
5. Allah tidak berfikir, kerana sifat berfikir itu satu kelemahan. Berfikir itu sifat makhluk. Tanpa berfikir Allah sudah sedia tahu segala perkara.
6. Allah tidak boleh digambarkan kerana Dia tidak sama langsung dengan apa-apa gambaran. Jauh sekali untuk dilukis, dipatungkan ataupun diarcakan. Apa sahaja yang boleh digambarkan bukanlah Allah. Apa sahaja yang boleh digambarkan ialah makhluk dan bersifat ada kelemahan.
7. Allah tidak ada isteri, anak atau keluarga.
8. Allah tidak ada jantina.
9. Allah tidak terpengaruh dengan tempat, ruang, masa, posisi, sempadan, had, batas, tepi, warna, kecerahan, kegelapan, arah, langit, bumi dan lain-lain kerana Dia sudah sedia ada sebelum semua itu ada. Bahkan Dialah yang mengadakan/ menciptakan semua itu.
10. Allah tidak mengalami apa-apa perubahan buat selama-lamanya. Sebagaimana keadaan-Nya sebelum diciptakan makhluk, sebegitulah keadaannya selepas diciptakan-Nya makhluk. Begitulah selama-lamanya. Apa sahaja yang mengalami perubahan adalah bersifat lemah. Padahal Allah tidak pernah lemah dan tidak akan lemah walaupun sedetik.
11. Allah tidak pernah bersentuh dengan makhluk, tetapi Dia juga tidak pernah bercerai dengan makhluk. Dia meliputi segala sesuatu, tetapi segala sesuatu itu bukanlah Dia. Dia meliputi seluruh alam makhluk, tetapi seluruh atau mana-mana satu bahagian alam makhluk itu bukanlah Dia. Allah tetap Allah, ciptaan tetap ciptaan.
12. Allah tidak boleh diperintah dan tidak menerima perintah. Kerana hanya Dia yang memerintah. Apa sahaja yang boleh diperintah dan disuruh-suruh, bukanlah Allah.

BAPA : SubhanAllah (Maha Suci Allah)...! Dalam usia muda ini engkau sudah mampu memberi penjelasan yang sebegini baik anakku. Tahniah ayah ucapkan.

ANAK : Alhamdulillah, syukur! Allahummasolli 'ala Muhammad, wa 'ala ali Muhammad. Terima kasih juga kepada ayah, ibu dan guru-guruku.

<http://myalexanderwathern.blogspot.com/2011/11/pluralisme-aqidah-tertolak.html>

Bahaya Lidah

Mudah Terlepas tetapi Besar Mudaratnya

“Sesungguhnya sifat benar itu membawa kepada kebaikan dan sesungguhnya kebaikan itu membawa ke syurga. Dan sesungguhnya seorang lelaki (termasuk wanita) bersifat benar sehingga ditulis di sisi Allah sebagai orang siddiq. Dan sesungguhnya bohong itu petunjuk kepada kejahatan dan kejahatan itu membawa ke neraka.” (Bukhari, Muslim)

"Sesungguhnya kalian dalam keadaan berbeza pendapat. Dipalingkan daripadanya (Al-Quran dan Rasul) bagi mereka yang dipalingkan. Terkutuklah orang-orang yang banyak berdusta, iaitu orang-orang yang terbenam dalam kebodohan dan kelalaian." (Az-Zariyat : 8-11)

“Tidaklah layak bagi seseorang yang melihat sesuatu urusan yang di dalamnya ada kebenaran melainkan dia mestilah menyatakannya, kerana perbuatan itu tidak akan mendahulukan ajalnya dan tidak akan memutuskan rezeki yang telah ditentukan (oleh Allah) untuknya.” (Turmizi, Ibnu Majah, Baihaqi)

“Syaitan itu sentiasa memberikan janji-janji kepada mereka dan melonjakkan angan-angan mereka, padahal syaitan itu tidak menjanjikan kepada mereka selain tipuan belaka.” (An-Nisa’ : 120)

“Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka hanya memperdaya dirinya sendiri, sedang mereka tidak menyedarinya.” (Al-Baqarah : 9)

“Tiga orang yang Allah tidak mahu berbicara dengan mereka pada Hari Qiamat kelak, (Allah) tidak mahu memandangi muka mereka, (Allah) tidak akan membersihkan mereka daripada dosa. Dan bagi mereka disediakan seksa

yang sangat pedih. (Mereka ialah): 1. Orang tua yang berzina. 2. Pemerintah yang suka berdusta 3. Fakir miskin yang takabur.” (Muslim)

“Janganlah seseorang kamu merasa takut kepada manusia untuk menyatakan kebenaran apabila telah melihat kebenaran dan memperingatkan dengan yang benar.” (Turmizi, Ibnu Majah, Tabrani)

“Tanda-tanda orang MUNAFIK itu ada tiga : 1. Apabila bercakap, dia berdusta. 2. Apabila berjanji, dia tidak menepati janji. 3. Apabila diberi amanah, dia berkhianat.” (Bukhari, Muslim)

“Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang melampaui batas, lagi pendusta.” (Ghafir : 28)

SYEIKH ZAINUL ASRI

[Da'ie yang Murabbi]



Siapa Syeikh Zainul Asri ?

Di Kedah beliau dipanggil oleh sesetengah orang tua dengan gelaran “Ustaz Selawat” dek kerana istiqamah beliau melantunkan selawat setiap kali berhenti ketika bertutur. Perwatakannya indah seindah kekuatan rohani. Beliau daie berjiwa Murabbi .

Beliau ialah Mudir Pusat Pengajian Darul Hadis, Yayasan Paksi, Kedah. Beliau juga dikenali dengan Pak Long Z. Asri dalam kalangan teman dan rakan. Beliau mendapat pendidikan awal di Maktab Mahmud, Alor Star. Kemudian mendalami ilmu agama di Madrasah Al-Latifiah (Pondok Pak Teh, Kroh) sebelum melanjutkan pengajian di Universiti Al-Azhar, Mesir dalam bidang Usuluddin (Pengajian Hadis).

Di Mesir beliau sempat berguru dengan beberapa orang ulama besar seperti Syeikh Ismail Sodiq Al-Adawi (Khatib Masjid Al-Azhar) dan Al-Allamah Syeikh Muhamad Zaki Ibrahim (Raid `Asyirah Muhammadiyah). Beliau juga sempat bertalaqqi dengan Syeikh Nuruddin Marbu al-Banjari yang ketika itu mengadakan pengajian di Masjid Fatah, Mesir.

Antara guru beliau di Malaysia yang banyak memberi kesan dalam kehidupan beliau ialah Syeikh Nia'mat Yusuf yang mengasaskan Badan Dakwah dan Kebajikan Maktab Mahmud suatu ketika dulu. Syeikh Nia'mat Yusuf adalah Murabbi utama beliau dalam membimbing dari sudut Fiqh Dakwah.

Ketika di Maktab Mahmud bersama Syeikh Nia'mat, kehidupan beliau diasuh dengan Usrah, Qiyamullail, Daurah Tarbiyah, Mukhaiyyam dan mencetus Biah Solehah dalam kehidupan para pelajar di asrama dan rumah-rumah sewa. Di sinilah bermula kehidupan beliau sebagai Mutarobbi, dan sehingga beliau kini menjadi Murabbi dalam gerakan Dakwah khusus bersama pelajar dan mahasiswa.

Antara mutiara kata beliau " Dakwah ini bagai air yang menyusur batu. Walaupun air tidak dapat menembusi batu yang keras, ia akan tetap mengalir di celahan batu tersebut. Mungkin dari atas, bawah, kiri atau kanan. Hakikatnya dakwah pun begitu, walau sebesar mana pun halangannya, ia perlu sentiasa berjalan." Apa yang sangat mengagumkan saya, setiap kali menuturkan sesuatu, mulutnya tidak lekang daripada kalimah selawat dan zikrullah.

<http://asyraafalqodahi.blogspot.com/2013/04/syeikh-zainul-asri.html>

Petua Murah Rezeki Oleh Sheikh Zainul Asri

1. Rasulullah SAW beristighfar lebih daripada 70 kali.
2. Beristighfar menjadi penyelamat daripada bala
3. Beristighfar Menarik rahmat
4. Beristighfar mengkabulkan doa
5. Pentingnya beristighfar sebelum solat hajat
6. Kalau mahu dimurahkan REZEKI juga perlu beristighfar.

<http://rahsiarezekimurah.blogspot.com/2015/06/petua-murah-rezeki-oleh-sheikh-zainul.html>

Awasi Tipu Daya Ajaran Sesat!

Menurut al-Baghdadi dalam kitabnya al-Farq baina al-Firaq, antara kaedah yang diguna pakai oleh kumpulan ajaran sesat seperti Batiniyah misalnya, ialah dengan memperdayakan mangsa yang menjadi sasaran dengan sembilan langkah.

1. AT-TAFARRUS iaitu menilik mangsa sama ada mampu dipengaruhi atau tidak. Dalam hal ini, pemangsa kepada mangsa harus pandai menimbulkan kekeliruan dan keraguan kepada mangsa terhadap apa yang diyakininya dan mengetahui tafsiran batin terhadap nas-nas yang zahir.
2. AL-TA'NIS, iaitu pemangsa akan cuba memperlihatkan kebaikan ajarannya dengan bersikap ramah mesra, menunjukkan watak seperti zuhud dan warak bagi menarik minat mangsa. Pada tahap ini, sikap pemangsa akan disesuaikan menurut cita rasa dan kesukaan mangsa. Kalau bangsa seorang peminum arak, pemangsa juga akan turut serta dengan perlakuan tersebut.
3. AT-TASYKIK, iaitu cuba menimbulkan keraguan dengan cuba bertanya perkara yang bukan-bukan dalam hal syariat seperti kenapa sembahyang Zuhur empat rakaat, Subuh dua rakaat? Apabila mangsa tidak dapat menjawab, pemangsa tidak terus memberi jawapannya, sebaliknya menangguk jawapan dengan alasan pada masa ini jawapannya adalah rahsia.
4. AT-TA'LIQ, iaitu menggantung sementara jawapan rahsia tersebut sebagaimana yang diterangkan di atas tadi.
5. AR-RABT, sekiranya mangsa ingin tahu juga tentang ilmu rahsia itu, mereka diminta melakukan ikatan perjanjian. Sekiranya diberitahu tentang rahsia tersebut mereka tidak akan membuka rahsia ajaran itu kepada orang lain. Kemudian diajarkan kepada mereka rahsia batin daripada taklifan syariat. Apabila telah mendapat ilmu batin, maka yang zahir tidak perlu dilaksanakan lagi. Sebab itulah ada di antara mereka

yang tidak sembahyang, tidak puasa dan sebagainya tetapi sebaliknya menghalalkan pula yang haram seperti minum arak dan berzina.

6. AT-TADLIS, iaitu pemangsa akan terus berhujah dengan dalil-dalil al-Quran dan hadis dengan tafsiran yang berbeza dengan ulama muktabar Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah. Mereka mengatakan bahawa yang zahir itu azab dan yang batin itu rahmat.
7. AT-TA'SIS, iaitu meletakkan asas ajaran yang menyeleweng ke dalam fikiran mangsa.
8. MAWATHIQ BI AL-IMAN WA `UHUD, pemangsa akan terus mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan mangsa terhadap ajaran dan perjanjian yang termeterai antara mangsa dan kumpulan ajaran atau ketua mereka.
9. AL-KHALA' WA AL-SALAKH, tahap terakhir dengan sendirinya mangsa akan terlucut dan terkeluar daripada ajaran Islam sebenar dan masuk ke dalam aliran yang sesat tanpa disedarinya.

Sebagai kesimpulannya untuk mengatasi masalah ini, umat Islam hendaklah sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan agama dan sentiasa bertindak atas dasar ilmu yang benar. Jika merasakan sesuatu ajaran agama itu mempunyai unsur dan ciri-ciri yang terseleweng, maka hendaklah segera dijauhi dan merujuk kepada pihak yang berkuasa khasnya pihak berkuasa agama. Laporkan gerakan kumpulan ajaran sesat kepada pihak berkuasa bagi menunjukkan rasa keprihatinan kita dalam mempertahankan akidah Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah yang diakui benar oleh majoriti umat Islam di seluruh dunia. Sama-samalah kita berperanan dalam memelihara kesucian akidah, syariat dan maruah umat Islam sejagat daripada terus dicemari.

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0604&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm#ixzz5VeusVAIr

Maulana Zakariyya – Pengarang Kitab Fadhail Amal

Maulana Zakariyya Al-Kandahlawi dilahirkan pada 10 Ramadhan 1315H, bertepatan dengan 12 Februari 1898, di sebuah desa bernama Kandlah di wilayah Uttar Pradesh, India, dari sebuah keluarga yang mempunyai sejarah panjang dalam pengabdian pada agama. Silsilah keluarga beliau bersambung sampai kepada sahabat besar Nabi, Abu Bakar As-Siddiq r.a.

Semasa kecil Zakariyya mula belajar membaca kepada Hakim Abdur Rahman, kemudian menghafal Al-Quran di bawah bimbingan ayahnya, Maulana Muhammad Yahya, seorang ulama besar yang cukup terkenal di India. Setelah itu belajar bahasa Parsi dan bahasa Arab kepada Maulana Muhammad Ilyas, pendiri gerakan Tabligh.

Pada usia 12 tahun, Maulana Zakariyya dibawa oleh ayahnya ke Madrasah Mazahirul Ulum. Di bawah bimbingan ayahnya, beliau mempelajari bahasa Arab tingkat lanjut, teks-teks klasik, nahwu, saraf dan ilmu mantiq.

Ketika menginjak usia 17 tahun, minat utamanya mulai fokus pada bidang kajian ilmu hadis. Beliau mempelajari 5 dari 6 kutubussittah. Bahkan beliau sempat belajar untuk kedua kalinya kitab Sahih Bukhari dan Sunan at-Tirmizi kepada Maulana Khalil Ahmad Saharanpuri. Selama mempelajari kitab-kitab tersebut, Maulana Zakariyya selalu menjaga wudhuk.

Maulana Zakariyya memulai karier mengajarnya pada tahun 1335H, ketika beliau ditunjuk untuk mengajar di mata pelajaran nahwu, saraf dan sastera. Pada tahun 1341H, kemudian diminta untuk mengajar tiga bahagian dari kitab Sahih Bukhari dan pada tahun 1344H ditambah lagi mengajar kitab Misykat al-Masabih.

Pada tahun 1345H, beliau berkesempatan mengunjungi tanah suci. Di Madinah beliau tinggal selama 1 tahun dan selama itu mengajar Sunan Abi Daud di Madrasah Ulum Shar'iyah. Di Kota Nabi ini, Maulana mulai menulis Awjaz al-Masalik ila Muwatta' Imam Malik, syarah kitab Al-Muwatta'nya Imam Malik, ketika itu beliau berumur 29 tahun.

Ketika kembali ke India, beliau mula lagi mengajar kitab Sunan Abi Daud, Sunan al-Nasai, Al-Muwatta Imam Muhammad dan separuh bahagian dari Sahih Bukhari,

separuhnya lagi diajarkan oleh mudir madrasah. Setelah mudir wafat, tugas mengajar Sahih Bukhari ini diberikan seluruhnya kepada Maulana Zakariyya

Selama hidup beliau, beliau telah mengajar separuh bahagian pertama dari Sahih Bukhari selama 25 kali, mengajar seluruh kitab tersebut selama 16 kali dan mengajar kitab Sunan Abi Daud sebanyak 30 kali. Karier beliau mengajar bertahan sampai tahun 1388H, ketika beliau menderita sakit mata yang tidak memungkinkan lagi untuk terus mengajar.

Kecintaan Maulana Zakariyya pada agama, terutama pada kajian ilmu hadis, sangat tinggi. Total waktu yang dihabiskan beliau untuk belajar dan mengajar hadis adalah selama kurang lebih 60 tahun.

Dalam kurun waktu tersebut beliau juga telah menulis lebih dari 80 kitab yang sangat tinggi nilainya dan diakui oleh para ulama di seluruh dunia. Beberapa kitab yang beliau tulis dalam bidang kajian hadis antara lain ; Awjaz al-Masalik ila Muwatta' Imam Malik (syarah dari kitab Muwatta Imam Malik, terdiri dari 6 jilid), Lami' al-Dirari 'ala Jami' al-Bukhari (syarah dari kitab Sahih Bukhari), Syarah Muslim (syarah Sahih Imam Muslim), Juz' Hajjat al-Wida' wa 'Umrat al-Nabi (Berisi tentang haji dan umrah yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w., juga memuat tentang masalah hukum haji, lokasi, dan tempat-tempat yang pernah dilalui atau disinggahi oleh Rasulullah s.a.w.), Khasa'il Nabawi Sharh Shama'il al-Tirmidhi (syarah dan komentar terhadap kitab al-Shama'il al-Muhammadiyah-nya Imam Tirmidzi yang berisi tentang hadis-hadis yang berkenaan dengan peri kehidupan Nabi Muhammad s.a.w.) dan beberapa kitab lainnya.

Karya beliau yang paling terkenal ialah Fadhail Amal. Diikuti dengan Hayatus Sahabah. Maulana Zakariyya wafat pada 1345H.

Membaca kisah belajar, mengajar, menulis, ketekunan dan semangat Maulana Zakariyya dalam pengabdianya kepada agama, khususnya dalam ilmu hadis harusnya membuat kita menjadi malu.

Pertanyaan sederhana untuk kita, apa yang telah kita lakukan untuk memajukan agama yang kita cintai ini?

Kredit : Ustaz Uthman Daud